

Hudud Pas tanpa ijtihad: Mahathir

NILAM PURI, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata cadangan Kerajaan Pas untuk melaksanakan undang-undang Islam, termasuk hudud dibuat semata-mata berdasarkan tafsiran agama oleh orang Pas.

Menurut Perdana Menteri, undang-undang Pas Kelantan itu juga bukan hasil proses ijtihad yang sah kerana dibuat berasaskan kepentingan yang lain daripada agama, khususnya politik parti itu.

Beliau yang juga Ketua Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata, Pas sendiri mendakwa undang-undang ini dibuat kerana tekanan politik oleh Umno.

"Ia bukan kerana politik Islam. Politik parti dan politik Islam bukan perkara yang sama. Dengan itu, ia tidak boleh diterima sebagai sah di sisi agama Islam," katanya ketika berucap di majlis perjumpaan bersama rakyat di Pusat Bahasa Arab, di sini, hari ini.

Dalam ucapannya itu, Dr Mahathir menyentuh mengenai langkah Kerajaan Pas Kelantan untuk melaksanakan hudud dan kele-

mahan yang terdapat dalam usaha pelaksanaannya.

Kerajaan Kelantan meluluskan Rang Undang-Undang Kanun Jenayah (11) yang di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan pada 25 November lalu.

Dr Mahathir berkata, antara kelemahan yang wujud dalam pelaksanaan undang-undang Pas Kelantan itu kerana ia tidak akan dikenakan terhadap orang bukan Islam Kelantan.

"Tetapi orang bukan Islam tidak terletak mengikut undang-undang mana-mana kitab. Mereka terletak di bawah undang-undang ciptaan manusia," katanya.

Menurut beliau, selain itu hukuman di bawah undang-undang yang akan dikenakan terhadap orang bukan Islam amat berbeza dengan hukuman terhadap orang Islam di bawah undang-undang Pas.

"Sementara orang Islam yang berzina akan dikenakan hukuman rejam dengan batu sampai mati, orang bukan Islam hanya akan didenda atau dipenjara buat beberapa bulan atau tahun. Bolehkah kita menerima hukuman bunuh dan hukuman penjara itu sama," katanya.

Menurut Perdana Menteri, tiada siapa berhak menjadikan tafsirannya sebahagian daripada hukum Islam yang mutlak sehingga penolakannya menjadi seseorang itu murtad.

**TEKS PENUH UCAPAN
PERDANA MENTERI
DI MUKA 10**
